

Persepsi perlu masa lama untuk berubah

HARAPAN Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang mahu anggota-anggota perkhidmatan awam memperbetulkan persepsi rakyat yang kurang elok terhadap perkhidmatan berkenaan dengan menyenyalakan perkara-perkara yang baik dalam setiap tindakan mereka perlu perhatian dan tindakan serius oleh sektor awam.

Berdasarkan laporan *Transparency International*, kedudukan Malaysia dalam hal-hal berkaitan persepsi rakyat masih kurang baik khususnya terhadap agensi dan perkhidmatan awam.

Indeks Persepsi Rasuah (CPI) menunjukkan Malaysia berada di tangga 44 daripada 146 negara.

Akibat dari pertumbuhan ekonomi dan pendidikan negara yang mantap, kini rakyat negara ini semakin sedar bahawa segala gejala yang bertentangan dengan prinsip etika dan integriti seperti penyelewengan, rasuah, penyalahgunaan kuasa dan ketidakcekapan perlu dihapuskan.

Rakyat kini menuntut agar integriti dipertahankan dan dipertingkatkan dalam semua urusan kerajaan, swasta, parti politik, kesatuan sekerja, belia, pelajar dan masyarakat umum.

Peningkatan dan pemantapan etika dan integriti masyarakat dapat melestarikan kejayaan negara serta memelihara dan mempertingkatkan kesejahteraan rakyatnya.

Perspesi, mengikut Perdana Menteri lagi, bukanlah satu perkara yang boleh dihilangkan dengan cepat. Ia tidak dapat dihilangkan dalam masa sehari, bahkan dalam masa setahun pun tak dapat.

Memperbetulkan persepsi negatif perkhidmatan awam memerlukan usaha yang bersungguh oleh sektor awam. Ini kerana sektor awam merupakan instrument terpenting dalam pengurusan dan pentadbiran, penyampaian perkhidmatan dan juga pembangunan negara.

Oleh itu, adalah amat perlu, pembudayaan etika dan integriti pada setiap waktu diterjemahkan dalam semua aspek pelaksanaan tugas dan tanggungjawab sektor ini.

Ia juga selari dengan keinginan Perdana Menteri supaya setiap kakitangan awam perlu mempunyai niat dan tujuan yang baik dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab, sekali gus menyerlahkan kerja-kerja yang ikhlas.

Berlakunya rasuah dan penyelewengan adalah tidak selari dengan kehendak rak-

yat untuk hidup dalam masyarakat yang beretika dan bebas daripada rasuah.

Peningkatan etika dan integriti merupakan satu usaha yang perlu berterusan dan tidak boleh merupakan usaha yang tidak bersepadu, tidak menyeluruh dan bergerak secara bersendirian tanpa sinergi semua sektor untuk melaksanakannya.

Usaha ini jika berjaya tentu sekali akan dapat memperbetulkan persepsi negatif rakyat yang kurang elok terhadap perkhidmatan awam. Ini selari dengan pandangan Perdana Menteri yang mengatakan apabila sesuatu yang baik menguasai situasi yang buruk, maka yang buruk akan senang diatasi dan salah silap akan dapat diatasi dengan mudah.

Penubuhan Pelan Integriti Nasional (PIN) dan Institut Integriti Malaysia (IIM) adalah antara usaha gigih kerajaan untuk mengelakkan integriti di kalangan rakyat. PIN diwujudkan antara lain untuk memberi fokus kepada matlamat pemantapan etika dan integriti serta membudayakan integriti di kalangan semua anggota masyarakat. IIM pula ditubuhkan sebagai mekanisme yang akan menyelaraskan pelaksanaan PIN.

Bukan sahaja sektor awam perlu me-

ingkatkan etika dan integriti, malah sektor swasta juga perlu berintegriti tinggi. Lantaran itu, langkah-langkah peningkatan etika dan integriti dalam sektor swasta juga perlu diperhebatkan.

Contohnya, sejumlah badan profesional telah menggubal kod etika masing-masing untuk memastikan peningkatan etika dan integriti dalam organisasi mereka. Majlis Peguam Malaysia, Lembaga Jurutera, Persatuan Akauntan, Persatuan Arkitek, Persatuan Kaunseling Malaysia mempunyai kod etika masing-masing yang perlu dipatuhi oleh pengamal profesion berkenaan.

Jelasnya, persepsi negatif rakyat yang kurang elok terhadap perkhidmatan awam perlu diperbetulkan melalui peningkatan etika dan integriti sektor awam. Sektor awam perlu menyerlahkan apa yang baik dalam perkhidmatannya dan usaha ini perlu dilakukan secara bersungguh-sungguh kerana persepsi terutama persepsi yang bersifat negatif bukan satu perkara yang boleh dihilangkan dengan cepat.

**- SAPORA SIPON
Universiti Sains Islam Malaysia
(USIM), Nilai, Negeri Sembilan.**